

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB TUAN SU KEONG SIONG [IPOH TIMOR]

SOALAN :

YB Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timor] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah biasiswa JPA luar negara yang telah diberikan sejak tahun 2000. Berapa jumlah graduan yang telah ditawarkan kerja Kerajaan.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR.SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) luar negara yang telah diberi dari tahun 2000 hingga tahun 2014 adalah sebanyak 18,735. Daripada jumlah tersebut, seramai 12,755 penerima adalah bumiputera manakala 5,980 penerima adalah bukan bumiputera.

Manakala, jumlah pelajar tajaan JPA yang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam sehingga 2014 adalah seramai 25,553 orang. Daripada jumlah tersebut, 23,051 orang adalah bumiputera dan 2,502 orang adalah bukan bumiputera.

Sekian. Terima kasih.